

Rabu, 28 Februari 2018

KENYATAAN MEDIA

myBAS KUALA TERENGGANU MULA BEROPERASI 1 MAC 2018

Fasa satu bermula lebih awal daripada jangkaan

28 Februari 2018, Kuala Terengganu ? Pelaksanaan berperingkat perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu di bawah program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST), akan mula beroperasi pada 1 Mac 2018, lebih awal daripada jangkaan sebelum ini iaitu pada suku kedua 2018. Pelaksanaan ini adalah berikutan pemeteraian kontrak di antara pengendali MARA Liner Sdn Bhd dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang telah ditandatangani pada 18 Januari 2018 yang lepas.

Fasa 1 myBAS Kuala Terengganu menawarkan perkhidmatan yang merangkumi 1 laluan utama (*trunk route*) T202 dan satu laluan pengantara (*feeder*) F100 bermula pada 1 Mac 2018 dan 2 lagi laluan utama T102 dan T301 yang akan beroperasi pada 15 Mac 2018. Jarak keseluruhan bagi operasi Fasa 1 adalah hampir 100km. Sebelas (11) bas mini berkapasiti 38 penumpang, akan disediakan bagi pelaksanaan Fasa 1 ini.

Perkhidmatan myBAS bermula pada 1 Mac 2018:

| BAS | LALUAN | MAKLUMAT OPERASI |
|------|---|--|
| T202 | Kuala Terengganu ? Bukit Payung melalui Pasir Panjang | <p><u>Waktu operasi:</u> Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm</p> <p><u>Kekerapan:</u> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 90 minit</p> |
| F100 | Kuala Terengganu ? Pengantara | <p><u>Waktu operasi:</u> Ahad-Khamis: 6:30 am?7:00 pm Jumaat: 6:30 am ? 7:00 pm Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm</p> <p><u>Kekerapan:</u> Waktu puncak - 30 minit Bukan puncak- 30 minit</p> |

Perkhidmatan myBAS bermula pada 15 Mac 2018:

BAS**LALUAN****MAKLUMAT OPERASI**

T102Kuala Terengganu ? Jeti Merang
melalui Lapangan Terbang Sultan
Mahmud**Waktu operasi:**

Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm

Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm

Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm

Kekerapan:

Waktu puncak - 60 minit

Bukan puncak- 90 minit

T301

Kuala Terengganu ? Marang

Waktu operasi:

Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm

Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm

Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm

Kekerapan:

Waktu puncak - 60 minit

Bukan puncak- 90 minit

Bagi mendapatkan maklumat terkini yang lebih terperinci mengenai perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu, orang ramai boleh melayari www.maralinergroup.my [1] atau melalui Facebook.com/MARALinerSdnBhd atau Twitter @MaralinerGroup.

[|Muat Turun Fail](#) [2]

myBAS KUALA TERENGGANU MULA BEROPERASI 1 MAC 2018

Source URL: <http://apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2018/mybas-kuala-terengganu-mula-beroperasi-1-mac-2018>

Links

[1] <http://www.maralinergroup.my>

[2] http://apad.gov.my/sites/default/files/kenyataan_media_-_mybas_kuala_terengganu_mula_beroperasi_1_mac_2018.pdf

[3] <http://apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2018/mybas-kuala-terengganu-mula-beroperasi-1-mac-2018>